

16/08/2001

Tinggal dua hari jelajah Semenanjung berakhir

Mohd Anwar Patho Rohman; Kamaliza Kamaruddin  
SEREMBAN, Rabu - Tinggal dua hari saja lagi Konvoi Program Kembara Merdeka 2001 (PKM 2001) Jabatan Penerangan menamatkan misi menjelajah Semenanjung sejak dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, 1 Ogos lalu.

Ini bermakna PKM 2001 sudah menamatkan dua pertiga perjalanan mengibarkan Jalur Gemilang dan kempen kesedaran kepada masyarakat supaya bersama menyemarakkan sambutan hari Merdeka pada 31 Ogos ini.

Hari ini adalah hari ke-15 konvoi PKM 2001 meneruskan kembara mengibarkan Jalur Gemilang melalui Bukit Pelanduk, Rembau, Bahau, Kuala Pilah dan berehat di Seremban.

Majlis pelepasan hari ini disempurnakan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Pasir Panjang, Datuk Saini Edris.

Sementara di Rembau, Adun Chengkau, Datuk Firdaus Muhammad Rom Harun menyambut ketibaan konvoi PKM 2001 yang turut menyerah dan melekat Jalur Gemilang kepada kenderaan orang awam.

Perjalanan sejauh kira-kira 250 kilometer hari ini melalui pekan Tampin, dan Gemenchih sebelum makan tengah hari di Kampung Ujong Pasir di Ampangan bersama Pengerusi Jawatankuasa Penerangan, Pendidikan, Belia dan Sukan, Zakaria Nordin merangkap Adun Ampangan dan K3P Ampangan.

Semalam, kembara PKM 2001 meneruskan kembara dari Ayer Keroh ke Jasin, Alor Gajah dan Masjid Tanah sebelum disambut 40 penunggang motorsikal Jaguh di Jambatan Sungai Linggi, sempadan Melaka-Negeri Sembilan untuk ke majlis pelancaran peringkat Negeri Sembilan di Pasir Panjang, Port Dickson.

Peserta disambut meriah di sini oleh Zakaria yang mewakili Menteri Besar Tan Sri Mohd Isa Samad dan Pengarah Penerangan Malaysia Negeri Sembilan, Zuraidah Zainuddin serta ratusan pelajar sekolah yang mengibarkan Jalur Gemilang.

Bagaimanapun, sepanjang kembara ini, hanya Menteri Besar Pahang, Datuk Adnan Yaakob saja yang menghadiri pelancaran peringkat negeri manakala negeri lain dihadiri Pengerusi Jawatankuasa Negeri mewakili Menteri Besar.

Begitupun, sambutan yang diterima oleh konvoi PKM 2001 tidak mengecewakan walaupun kehadirannya kurang disedari penduduk tempatan setiap kali singgah di destinasi.

Sementara itu, Pegawai Akhbar Jabatan Penerangan, Badaruddin Hamzah yang turut serta dalam kembara ini berkata, ia adalah satu kejayaan Jabatan walaupun pertama kali dianjurkan.

Katanya, PKM 2001 hampir mencapai matlamatnya iaitu untuk mendekati segenap lapisan masyarakat menerusi ceramah yang menerangkan hari kemerdekaan dan penghayatannya.

Beliau berkata, program Gerak Tumpuan adalah bagi mendedahkan kepada rakyat mengenai dasar-dasar kerajaan bagi membangun dan mengekalkan kedaulatan negara serta mengelak salah faham dan kekeliruan yang ditimbulkan oleh pihak tertentu.

(END)